



IMPAK WABAK CORONAVIRUS DISEASE (COVID-19) TERHADAP REKOD AWAM DI MALAYSIA

*IMPACT OF CORONAVIRUS DISEASE (COVID-19) ON PUBLIC RECORDS IN
MALAYSIA*

Ahmad Azman Mohamad Ramli^{1*}, Noor Faraliza Samsudin², Intan Nurbazura Zainuddin³, Mohd Naim Mohd Nasfi⁴, Norhidayu Md Yatim⁵, Izzatil Husna Arshad⁶, Razifah Othman⁷, Kasmarini Baharuddin⁸

- ¹ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: ahmadazman@uitm.edu.my
- ² Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: noorf053@uitm.edu.my
- ³ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: intan422@uitm.edu.my
- ⁴ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: naim932@uitm.edu.my
- ⁵ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: norhidayu@uitm.edu.my
- ⁶ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: husna672@uitm.edu.my
- ⁷ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia
Email: razif879@uitm.edu.my
- ⁸ Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Selangor, Kampus Puncak Perdana, Malaysia
Email: kas@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Abstrak:

Kemunculan wabak Covid-19 memberikan impak kepada pelbagai aspek kehidupan manusia di dunia dan negara Malaysia tidak terkecuali dengan situasi ini. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah membuat tinjauan

Accepted date: 31.05.2023
Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Ramli, A. A. M., Samsudin, N. F., Zainuddin, I. N., Nasfi, M. N. M., Yatim, N. M., Arshad, I. H., Othman, R., & Baharuddin, K. (2023). Impak Wabak Coronavirus Disease (Covid-19) Terhadap Rekod Awam Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 24-31.

DOI: 10.35631/IJLGC.832003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



bagi mengetahui apakah impak wabak tersebut terhadap rekod awam di Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan pendekatan ulasan karya (*literature review*) untuk mendapatkan maklumat berkaitan topik kajian. Bahan rujukan seperti suratkhabar, buku, media sosial seperti *facebook*, laman sesawang dan sebagainya digunakan. Hasil kajian mendapat sememangnya terdapat impak-impak tertentu terhadap rekod awam di Malaysia akibat daripada kemunculan wabak Covid-19. Impak-impak tersebut dihuraikan satu persatu dalam artikel ini. Diharap hasil kajian akan dapat dijadikan panduan oleh pejabat awam di Malaysia khususnya dan rakyat Malaysia amnya untuk mengurus rekod awam dengan efisien dan efektif semasa negara sedang menghadapi wabak pada masa hadapan. Diharap juga hasil kajian akan dapat dijadikan pemangkin atau pendorong untuk para penyelidik menjalankan kajian tentang topik ini dengan lebih mendalam dan menyeluruh pada masa hadapan.

Kata Kunci:

Impak, Pejabat Awam, Rekod Awam, Wabak Covid-19

Abstract:

The emergence of the Covid-19 epidemic has an impact on various aspects of human life in the world and Malaysia is no exception to this situation. In relation to that, the objective of this study is to conduct a survey to find out what the impact of the epidemic is on public records in Malaysia. To achieve the objectives of the study, the researcher used a literature review approach to obtain information related to the study topic. Reference materials such as newspapers, books, social media such as Facebook, websites and so on are used. The results of the study found that there are indeed certain impacts on public records in Malaysia because of the emergence of the Covid-19 epidemic. The impacts are described one by one in this article. It is hoped that the results of the study will be able to be used as a guide by public officials in Malaysia and Malaysians in general to manage public records efficiently and effectively when the country is facing an epidemic in the future. It is also hoped that the results of the study will be able to be used as a catalyst or motivator for researchers to carry out more in-depth and comprehensive research on this topic in the future.

Keywords:

Covid-19 Outbreak, Impact, Public Office, Public Records,

Pengenalan

Covid-19 mula dikesan berlaku di dunia pada tarikh pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China dan telah diiktiraf sebagai wabak atau pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tarikh 11 Mac 2020. Sehingga 21 Disember 2020, WHO melaporkan bahawa 75.7 juta penduduk dunia telah dijangkiti virus Covid-19 manakala kematian akibat virus tersebut telah mencecah 1.69 juta kematian (Ammith & Abdullah, 2020). Penularan pandemik Covid-19 di Malaysia pula bermula seawal 25 Januari 2020 selepas pelancong daripada China yang memasuki Malaysia daripada Singapura disahkan menghidap wabak itu. Sehingga tarikh 14 Mac 2021, pandemik ini telah menjangkiti seramai 330042 orang di Malaysia dan jumlah kematian ialah seramai 1225 orang. Jangkitan Covid-19 terus berlaku di kebanyakan negara di dunia dan belum menunjukkan tanda untuk reda atau terkawal

(Sobian, 2021). Bagaimanapun berdasarkan maklumat terkini, penularan Covid-19 di Malaysia adalah terkawal dengan bilangan kes jangkitan mula menunjukkan penurunan (Melati, 2023). Buktinya beliau melaporkan pada tarikh 12 Januari 2023, kes harian baharu kekal bawah 600 kes dengan 383 kes yang dilaporkan.

Sesungguhnya wabak ini telah memberi impak kepada pelbagai aspek kehidupan manusia dan tidak hanya terbatas kepada aspek kesihatan manusia sahaja. Kehadiran Covid-19 merupakan ancaman besar kepada dunia kerana ia tidak hanya memberi kesan buruk kepada kesihatan penduduk dunia sebaliknya ia juga memberi kesan kepada keadaan ekonomi suatu negara (Ammituh & Abdullah, 2020). COVID-19 mendatangkan impak langsung kepada ekosistem perniagaan domestik seperti industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, serta industri pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Ini sekaligus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan (Hin, 2020). Bagaimanapun terdapatnya impak positif akibat daripada penularan penyakit ini. Contohnya data yang direkodkan oleh Kementerian Ekologi dan Alam Sekitar China antara Januari dan Mac lalu mendapati adanya peningkatan sebanyak 84.5 peratus hari dengan kualiti udara yang baik di 337 buah bandar raya di negara itu. Data satelit yang diambil oleh Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan Amerika Syarikat menunjukkan penurunan nitrogen dioksida di China (Hin, 2020). Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah membuat tinjauan terhadap kandungan bahan-bahan rujukan bagi mengetahui apakah impak wabak ini kepada pengurusan rekod awam di Malaysia. Fokus kajian ialah terhadap rekod awam yang diurus oleh pejabat-pejabat awam di Malaysia. Pejabat awam di Malaysia dipilih kerana ia sememangnya agensi yang diberi tanggungjawap oleh Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan lain-lain peraturan untuk mengurus rekod awam di Malaysia. Diharap hasil kajian akan dapat dijadikan panduan oleh pejabat awam di Malaysia khususnya dan rakyat Malaysia amnya untuk mengurus rekod awam dengan efisien dan efektif semasa negara sedang menghadapi sebarang wabak pada masa hadapan. Diharap juga hasil kajian akan dapat dijadikan pemangkin atau pendorong untuk para penyelidik menjalankan kajian tentang topik ini dengan lebih mendalam dan menyeluruh pada masa hadapan.

Definisi Istilah

Bagi membantu pembaca mudah memahami topik yang dibincangkan, artikel ini terlebih dahulu mendefinisi empat istilah penting dalam artikel ini. Semua definisi ini adalah menggunakan definisi daripada Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Istilah-istilah tersebut ialah rekod, rekod awam, arkib awam dan pejabat awam.

Rekod

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan “rekod” ialah bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematografi, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal dan apa-apa salinannya (Arkib Negara Malaysia, 2003).

Rekod Awam

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan “rekod awam” ialah rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan kerajaan dan juga termasuk segala

rekod yang pada permulaan kuat kuasa Akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Arkib Negara 1966 (Arkib Negara Malaysia, 2003).

Arkib Awam

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa "arkib awam" bermaksud "rekod awam" yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan berpanjangan atau kedua-duanya dan yang telah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia atau mana-mana tempat lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Akta ini juga mentakrifkan arkib awam sebagai sebarang rekod peribadi atau bahan lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan berpanjangan atau kedua-duanya diperoleh untuk Arkib Negara Malaysia oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (Arkib Negara Malaysia, 2003).

Pejabat Awam

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan pejabat awam ertiya sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan (Arkib Negara Malaysia, 2003).

Kaedah Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melakukan ulasan karya (*literature review*) terhadap sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat sekunder berkaitan topik kajian. Ulasan karya ialah "a step-by-step process that involves the identification of published and unpublished work from secondary sources on the topic of interest, the evaluation of this work in relation to the problem, and the documentation of this work (Sekaran & Bougie, 2010)". Kertas ini memilih kaedah ini disebabkan oleh sumbangannya kepada pencapaian objektif kertas ini. "*Literature search will help the researcher to focus on the research problem based on certain aspects found to be important in the published studies (Awang, 2013)*". "*Literature review convinces readers about the significance of a study (Kee et al., 2009)*". Bahan rujukan seperti surat khabar, buku, media sosial seperti *facebook*, laman sesawang dan sebagainya digunakan bagi mendapatkan maklumat sekunder tersebut. Masa kajian ialah selama lebih kurang lima bulan iaitu bermula pada bulan Januari 2023 sehingga bulan Mei 2023.

Dapatan Kajian

Hasil kajian terhadap maklumat sekunder yang diperolehi daripada sumber rujukan mendapati sememangnya terdapat impak-impak tertentu yang berlaku kepada rekod awam di Malaysia akibat daripada kemunculan wabak penyakit Covid-19 di Malaysia. Impak-impak tersebut ialah seperti yang dibincangkan berikut;

Penutupan Dewan Penyelidikan dan Memorial di Arkib Negara Malaysia

Sebagai salah satu usaha untuk mengekang penularan pandemik Covid-19, pada tarikh 16 Mac 2020, pada pukul 10 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama di seluruh Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Di bawah perintah ini, rakyat Malaysia adalah dilarang membuat pergerakan dan perhimpunan

ramai di seluruh negara, termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya (Yassin, 2020) Premis-premis kerajaan dan swasta termasuk institusi pendidikan juga diarahkan ditutup sepanjang tempoh PKP ini. Sekatan menyeluruh juga dikenakan terhadap semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (self-quarantine) selama 14 hari. Kemasukan pelancong asing juga disekat. Terkesan dengan perintah ini, Arkib Negara Malaysia segera mengeluarkan notis makluman kepada awam yang menyatakan seluruh dewan penyelidikan, memorial-memorial serta lain-lain premis kemudahan penyelidikan di bawah pentadbiran organisasi itu ditutup sementara bermula pada tarikh 16 Mac 2021. Penutupan premis kemudahan penyelidikan ini berterusan sehingga ianya dibuka semula pada tarikh 15 Jun 2020. Bagaimanapun pada tarikh 14 Oktober 2020, premis kemudahan penyelidikan ini ditutup sekali lagi sehingga dibuka semula pada tarikh 10 Mac 2021 sehingga kini. Sesungguhnya sepanjang tempoh penutupan ini, situasi ini telah menyebabkan para penyelidik tidak dapat mengakses secara terus bahan-bahan arkib awam fizikal yang disimpan di organisasi tersebut. Alternatif yang wujud kepada para penyelidik ketika tempoh penutupan ini ialah dengan menggunakan sistem Online Finding Aid (OFA). Melalui sistem ini, penyelidik dapat mengakses bahan-bahan arkib digital daripada rumah atau lokasi lain dengan melayari OFA di laman sesawang Arkib Negara Malaysia. Institusi ini telah mempromosi aktiviti ini kepada para penyelidik dengan menggunakan infografik-infografik dan diedarkan melalui laman sesawang, *facebook* dan media sosial yang lain. Tindakan penutupan kemudahan penyelidikan seperti yang dilakukan oleh Arkib Negara ini juga diamalkan oleh lain-lain institusi arkib di dunia. Sebagai contoh, Arkib Negara dan Pentadbiran Rekod Amerika Syarikat (NARA) telah membuat tindakan yang sama kesan daripada penularan Covid-19 di negara tersebut. *“As a public health precaution, due to COVID-19, the following changes are in effect. All National Archives research rooms nationwide, including those at Presidential Libraries, are closed to the public until further notice (Arkib Negara dan Pentadbiran Rekod Amerika Syarikat, 2021)”*. *“The National Archives’ reading room services are currently suspended. Many of our staff are working from home and still providing a service and point of contact for the archive sector”* (Arkib Negara United Kingdom, 2021).

Perolehan Rekod Awam dan Rekod Persendirian

Arkib Negara Malaysia sememangnya menyedari pentingnya penyimpanan rekod-rekod awam dan persendirian yang menyimpan maklumat berkaitan kejadian pandemik Covid-19 di Malaysia. Sehubungan dengan itu, bermula pada tarikh 2 Mei 2020, melalui saluran media sosial seperti Facebook rasmi, institusi ini telah membuat hebahan awam dengan menggunakan poster infografik bagi mempelawa agensi kerajaan, institusi bukan kerajaan serta individu di Malaysia menyerahkan rekod-rekod berkaitan pandemik milik mereka untuk disimpan dan dipelihara di Arkib Negara Malaysia. Rekod-rekod tersebut boleh terdiri daripada pelbagai format seperti fail, gambar, infografik, catatan pengalaman, penulisan ilmiah, audiovisual dan sebagainya. Institusi-institusi di luar negara juga melakukan tindakan yang serupa seperti mana yang dilakukan oleh Arkib Negara Malaysia. Contohnya Athabasca University menyatakan adalah digalakkan para pelajar, kakitangan dan alumni universiti berkenaan berkongsi pengalaman masing-masing tentang bagaimana pandemik Covid-19 telah memberikan kesan kepada kehidupan (Athabasca University, 2021). Sehubungan dengan itu, dokumen-dokumen yang menyimpan pengalaman itu adalah digalakkan untuk disimpan di bahagian atau unit arkib universiti tersebut. Sesungguhnya usaha sebegini dijangka boleh menyumbang kepada penambahan koleksi bahan arkib awam di institusi arkib bagi digunakan sebagai rujukan generasi kini dan akan datang.

Pameran Secara Maya Bahan Arkib Digital

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pergerakan rakyat Malaysia menjadi terbatas. Kerajaan Malaysia mengenakan sekatan-sekatan pergerakan seperti sekatan merentas daerah dan merentas negeri. Premis-premis organisasi samada kerajaan mahupun swasta juga terpaksa ditutup untuk sesuatu tempoh tertentu. Arkib Negara Malaysia telah terkesan dengan situasi ini di mana para pengunjung atau penyelidik tidak dapat mengunjungi premis-premis penyelidikan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia di seluruh Malaysia untuk merujuk bahan arkib awam. Menyedari fenomena ini, Arkib Negara Malaysia telah menyediakan alternatif dengan mengadakan pameran maya terhadap bahan-bahan arkib awam digital yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Contohnya, bermula pada tarikh 1 Jun 2020, Arkib Negara Malaysia telah mengadakan pameran secara maya dokumen-dokumen digital bahan arkib awam yang mengandungi maklumat berkaitan sejarah penyakit berjangkit yang pernah dan sedang melanda Malaysia. Pameran tersebut boleh diakses oleh orang awam melalui facebook rasmi Arkib Negara Malaysia. Pelbagai format dokumen digital bahan arkib awam yang dipamerkan seperti surat, poster, keratan akhbar, minit mesyuarat, buku, bahan audiovisual dan sebagainya. Usaha sebegini seharusnya dipuji kerana ia boleh menyedarkan masyarakat Malaysia tentang kepentingan pemeliharaan dan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan sejarah negara.

Prosedur Operasi Standard (SOP) Untuk Penyelidik Arkib Awam

Penularan Covid-19 di Malaysia telah memaksa Arkib Negara Malaysia mengetatkan lagi prosedur penggunaan kemudahan penyelidikan di Arkib Negara Malaysia. Terdapat prosedur-prosedur baharu yang perlu dipatuhi oleh para pengunjung atau penyelidik. Tujuannya ialah untuk membendung penularan pandemik ini di kalangan pengunjung atau penyelidik serta petugas-petugas di Arkib Negara Malaysia. Contohnya, melalui dokumen SOP yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia pada tarikh 9 Mac 2021, para pengunjung atau penyelidik tidak dibenarkan berkunjung ke kemudahan yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia secara berkumpulan. Pengunjung perlu sentiasa memakai topeng muka, mengimbas kod QR MySejahtera dan membuat penyaringan suhu badan. Pengunjung yang mempunyai suhu badan melebihi 37.50 C atau mempunyai gejala batuk, selesma dan sukar bernafas adalah dilarang memasuki kemudahan-kemudahan penyelidikan yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia. Jumlah maksimum pengunjung adalah dihadkan kepada 20 orang sahaja pada sesuatu hari. Pengunjung juga perlu membuat janji temu melalui telefon sekurang-kurangnya sehari sebelum hadir menggunakan kemudahan di Arkib Negara Malaysia. Sekiranya mereka ingin merujuk bahan arkib, mereka perlu membuat tempahan melalui sistem Online Finding Aid (OFA) sekurang-kurangnya tiga hari sebelum hadir ke dewan penyelidikan. Institusi Arkib luar negara juga telah mewujudkan SOP tersendiri kepada para pengunjung dalam usaha mencegah Covid-19 ini daripada menular (Hin, 2022). Contohnya, dalam sesawang Arkib Negara Australia, terdapat kenyataan yang berbunyi "*as a COVID-19 health and safety measure, the number of researchers allowed in the research centre at once is capped. No time limits apply, but researchers will be asked to leave the research centre from 1:00 to 1:30 pm while we perform additional cleaning. You need to request records in advance and book a time to visit. Please complete an advance request for records online and we will contact you to confirm your research centre booking.*"

Penggunaan Online Finding Aid (OFA)

Pandu cari ialah alat yang membantu pengguna mencari maklumat dalam kumpulan rekod, koleksi atau siri bahan arkib. Contoh alat pandu cari termasuk bahan yang diterbitkan dan tidak diterbitkan seperti inventori, senarai bekas dan folder, katalog kad, kalendar, indeks, daftar dan

panduan institusi. Penerbitan rasmi yang membantu pengguna mencari maklumat mengenai rekod kumpulan, koleksi, atau siri bahan arkib juga adalah alat pandu cari (Richard et al., 2011 OFA ialah sistem alat pandu cari dalam talian yang telah dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia bagi membolehkan bahan Arkib boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa dan bahan Arkib dalam bentuk digital boleh dirujuk tanpa perlu hadir ke dewan penyelidikan (Universiti Kebangsaan Malaysia et al., 2022). Kemunculan Covid-19 sememangnya menyukarkan penyelidik untuk melawat dewan penyelidikan di arkib negara Malaysia. Ini kerana Arkib Negara Malaysia telah menetapkan pelbagai prosedur operasi standard untuk membendung penularan covid dalam penyelidikan mereka dewan. Contohnya seperti yang dibincangkan sebelum ini, melalui dokumen SOP yang dikeluarkan oleh Pengarah Umum Arkib Negara Malaysia pada 9 Mac 2021, pelawat atau penyelidik tidak dibenarkan melawat kemudahan yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia secara berkumpulan (Arkib Negara Malaysia, 2022). Sememangnya keadaan ini menyebabkan ramai pengkaji di Malaysia beralih kepada menggunakan OFA untuk mengakses bahan arkib digital yang disimpan dalam arkib negara Malaysia. Bekas Ketua Pengarahnya, Datuk Azemi Abdul Aziz berkata versi digital bagi bahan arkib boleh diakses dalam talian melalui ofa.arkib.gov.my, sekali gus membolehkan penyelidik dan komuniti untuk mengakses rekod dan bahan yang disimpan oleh ANM tidak kira di mana mereka berada (Berita Harian Online, 2022).

Kebenaran Membawa Rekod Awam Pulang ke Rumah

Rekod awam merupakan aset kepada pejabat awam. Hal ini kerana rekod awam adalah penting kepada pejabat awam sebagai sumber rujukan dalam membuat keputusan dan sumber pembuktian dalam sebarang transaksi bersama pelanggan. Sehubungan dengan itu rekod awam perlu disimpan dengan selamat di pejabat awam dan dilarang sewenangnya dibawa keluar daripada pejabat awam. Hal ini untuk mengelakkan sebarang risiko kehilangan, kerosakan dan kebocoran maklumat jika dibawa keluar daripada kawasan pejabat awam. Semasa wabak Covid-19 melanda Malaysia, kerajaan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 yang berkuatkuasa pada tarikh 1 Januari 2021 telah memperkenalkan dasar “Bekerja dari Rumah” (BDR). Dasar ini memberi kebenaran kepada pegawai di sektor awam untuk bertugas di rumah masing-masing semasa hari bekerja. Tujuannya ialah untuk memberi keseimbangan di antara keperluan tugas rasmi di pejabat dan keselamatan pegawai daripada risiko dijangkiti wabak Covid-19. Pekeliling tersebut menyatakan pegawai awam yang diarah BDR boleh dibenarkan membawa pulang rekod awam berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun, pegawai berkenaan bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan kerahsiaan rekod awam dan hendaklah memastikan semua rekod awam sama ada dalam bentuk salinan cetak dan salinan elektronik disimpan dengan sempurna dan diletakkan di tempat yang selamat serta mematuhi kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan dan apa-apa peraturan, pekeliling, garis panduan atau arahan berkaitan pengurusan rekod awam yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

Penutup

Berdasarkan perbincangan seperti di atas, jelas didapati terdapatnya impak-impak tertentu terhadap pengurusan arkib awam di Malaysia akibat daripada kemunculan penyakit Covid-19 di Malaysia. Diharap penemuan ini dapat dijadikan pendorong atau pemangkin untuk para penyelidik menyelidik dengan lebih mendalam lagi tentang isu ini dan seterusnya menghasilkan penemuan yang lebih menyeluruh. Contohnya, diharapkan kajian yang akan datang dapat menggunakan kaedah statistik yang lebih terperinci tentang apakah kesan

pandemik ini terhadap perasaan petugas-petugas di Arkib Negara Malaysia seperti tahap motivasi dan tahap keceriaan mereka di tempat kerja.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu penulis menyiapkan kajian dan artikel ini dengan jayanya. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu sehingga artikel ini dapat diterbitkan di dalam jurnal yang berkenaan.

Rujukan

- Ammith, R., & Abdullah, B. (2020, April 25). Kesan pandemik COVID-19 terhadap sumber pendapatan isi rumah: Kajian kes Semporna Sabah. Retrieved from https://oer.ums.edu.my/bitstream/handle/oer_source_files/1293
- Arkib Negara dan Pentadbiran Rekod Amerika Syarikat. (2021, March 8). Coronavirus. Retrieved from <https://www.archives.gov/coronavirus>.
- Arkib Negara Malaysia. (2003). Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Arkib Negara Malaysia. (2022, May 25). Laman FB Rasmi Arkib Negara Malaysia. Retrieved from <https://www.facebook.com>.
- Arkib Negara United Kingdom. (2021, February 23). Reading room services suspended until further notice. Retrieved from <https://www.nationalarchives.gov.uk/about/news/coronavirus-update/>
- Athabasca University. (2021, March 16). COVID-19 memory archive project. Retrieved from <https://archives.athabascau.ca/covid-19-memory-project/index.php>.
- Awang, Z. (2013). Research methodology and data analysis (2nd ed.). UiTM Press.
- Berita Harian Online. (2022, May 25). Rekod Arkib Negara kini dalam versi digital. Retrieved from <https://www.bharian.com.my>.
- Berita Harian Online. (2022, May 25). Rekod Arkib Negara kini dalam versi digital. Retrieved from <https://www.bharian.com.my>.
- Hin, T. Y. Y. (2020, May 18). Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php>.
- Kee, K. L., & Hoon, T.S. (2009). *Conceptual framework and to journal writing*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Melati, M. A. (2023, January 1). Covid-19: Kes harian baharu bawah 600; kes aktif berbaki 11126. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2155847>.
- Richard, E. B., & Linda, C. S. (2011). *Reference and information services*. Libraries Unlimited.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (5th ed.). Wiley.
- Sobian, A. (2021). Pandemik Covid-19 dan pengabaian manusia terhadap alam sekitar: Ulasan Islami. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 58-70.
- Taufiq, Y. Y. H. (2020, May 5). Kesan Covid-19 kepada manusia dan alam. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842582>
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2022, May 25). Online Finding Aids. Retrieved from <https://ehebahan.ukm.my/buletin/download>.
- Yassin, M. (2020, March 16). Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 – 16 Mac 2020. Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>.